

Headline	JKKN mohon maaf		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	11 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Rap	Circulation	324,097
Page No	r17	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	536 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,413
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,239



JKKN mohon maaf!

Auditorium Tunku Abdul Rahman tak dapat tampung semua penonton pada Persembahan Inspitari 2011

>>Oleh Norhadiani Baharom

yanie@hmetro.com.my

PERSEMBAHAN Inspitari 2011, anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan pada 29 Oktober lalu, khabarnya mencetuskan ketegangan pengunjung berikutan kapasiti Auditorium Tunku Abdul Rahman tidak dapat menampung kehadiran penonton yang di luar jangkauan.

Bagaimanapun, penganjur mengambil langkah bijak dengan menambah satu lagi sesi persembahan pada hari sama untuk memastikan semua pengunjung berpeluang menonton persembahan itu.

Ketua Pengarah JKKN, Datuk Norliza Rofli, yang ditemui pada sidang media Aktiviti Seni Budaya JKKN Sepanjang November dan Disember di Red Box, The Garden, Kuala Lumpur baru-baru ini, sempat membuat permohonan maaf kepada semua pihak yang menghadapi kesulitan sewaktu menghadiri persembahan Inspitari tempoh hari.

"Inspitari yang perkenalkan tahun lalu kini sudah ada pengikut dan tahun ini hebahkan mengenai persembahan dilakukan secara meluas sehingga ia mendapat sambutan di luar jangkauan.

"Bagi yang tidak dapat masuk untuk menyaksikan persembahan itu dan berasa tersinggung, saya mewakili pihak penganjur memohon maaf.

"Tindakan terbaik yang boleh kami adakan ketika itu adalah dengan menambah satu lagi sesi persembahan pada hari yang sama, tetapi saya faham ramai juga penonton yang tidak mampu menunggu kerana bermula terlalu lewat.

"JKKN berharap untuk tahun hadapan kami dapat menyediakan lokasi yang lebih selesa untuk penonton bagi

Headline	JKKN mohon maaf		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	11 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Rap	Circulation	324,097
Page No	r17	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	536 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,413
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,239

mengelakkan perkara seperti ini berulang," katanya.

Terus kepada pengisian Aktivi- ti Seni Budaya JKKN Sepanjang November dan Disember yang bertujuan Membentuk Teras Gagasan 1Malaysia, 15 acara menarik diperkenalkan.

Program yang diatur tidak mungkin mampu digerakkan tanpa bantuan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) dan Kementerian Pelancongan.

Lima belas program berke- nanaan adalah Syarahan Eksekutif Perdana Budaya oleh Tun Dr Mahathir Mohamed yang diadakan 10 November lalu.

Mengutarakan topik 'Pembinaan Tamadun Dan Budaya Masyarakat Malaysia', program dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan Kepimpinan Negara dan Bernama ini turut menyaksikan buku coretan perjalanan Tun Mahathir bertajuk 'Che Det' dilancarkan.

Selain itu pada November ini turut diisi dengan acara seperti Festival Kesenian Orang Asli Pribumi Malaysia atau Malaysia Aborigines & Indigenous Arts Festival pada 12 dan 13 November di Forest Research Institute Malaysia (FRIM), Kepong, Selangor bermula jam 10.30 pagi hingga 6 petang.

Program ini diadakan bertu- juan meningkatkan pemaha- man dan apresiasi terhadap budaya Orang Asli dan masya- rakat pribumi, menampilkan pencapaian kesenian tiga suku utama iaitu Semang (Negrito), Senoi dan Proto-Melayu.

Antara masyarakat etnik dan pribumi yang terbabit adalah Orang Asli daripada suku kaum Kensiu (Baling, Kedah), Semai (Kampar, Perak) dan Mahme- ri (Pulau Carrey, Selangor), Temuan (Negeri Sembilan dan Melaka), Seletar (Bakar Batu, Johor), Semelai (Pos Behtau, Pahang), Temiar (Gua Mu- sang, Kelantan), etnik pribumi Lambuak Hulu (Pulau Bangi, Sabah) dan etnik pribumi Bidayuh (Sarawak).

"Pembabitan peserta Orang Asli menerusi program ini pastinya memberi pengalaman baru kerana berdasarkan temu bual yang dilakukan khususnya dengan Orang Asli dari Pulau Bangi, Sabah dan Bidayuh, mereka tidak pernah keluar ke bandar dan hanya bermas- yarakat dengan penduduk kawasan sekitar.

"Sudah pasti kedatangan mereka ke Kuala Lumpur memberi satu pengalaman luar biasa kerana buat pertama kali menaiki kapal terbang selain menyaksikan sendiri kehebatan kota Kuala Lumpur. Bukan itu

saja, mereka diberi pula pe- luang membuat persembahan di sini," katanya.

Pelbagai bentuk program ditawarkan, antaranya Siri Se- marak Bangsawan dan Hiyakat Merong Mahawangsa pada Jumaat, Sabtu serta Ahad bermula 18 hingga 20 Novem- ber. Tiket berharga RM5 dan bagi yang berminat boleh membeli tiket ketika persembahan atau membuat tempahan menerusi talian 03- 20523600.

Festival Gong Antarabangsa pula berlangsung di Redeems Centre, Kampung Apar, Singai, Bau Kuching, Sarawak juga pada 18 hingga 20 November.

Serentak dengannya juga dia- dakan Festival Kesenian Rakyat Malaysia di Sungei Wang Plaza serta pusat Komuniti PPRT Batu Muda, Jalan Ipoh dan PPRT Kerinchi, Kuala Lumpur. Program ini dilangsungkan dua hari pada 18 dan 19 Novem- ber. Dikuti Bengkel Pengurusan Acara pada 23 hingga 26 November.

Sementara pada 25 dan 26 November, Konsert 'No Wrong Notes' yang menggabungkan persembahan Koir Kebangsaan dan Koir Remaja Kebangsaan Malaysia bakal menggegarkan Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Manakala Seminar Pengu-

rusan Amalan Terbaik Badan Bukan Kerajaan memilih Hotel Putra, Kuala Lumpur untuk menganjurkan acara itu pada 25 hingga 27 November. Tarikh 27 November juga berlangsung- nya Seni di Wangsa yang bakal diadakan di Wangsa Walk Mall, Wangsa Maju.

Berakhir November, aktiviti Disember pula menyusul dengan penganjuran Festival Kesenian dan Kebudayaan Kanak- Kanak Antarabangsa yang membabitkan peserta rantau Asia.

Persembahan Utama diadakan di Istana Budaya pada 8, 10 dan 11 manakala Malam Gala (9 Disember).

Program ini juga memperke- nalkan Persembahan Berge- rak di One Utama dan Wangsa Walk Mall pada 10 dan 11 Disember termasuk Persem- bahan di Ekspo Permata pada 9 hingga 12 Disember yang membabitkan anak daripada Permata Pintar, Permata In- san, Permata Negara, Permata Seni dan Perkasa Remaja.

Pada 16 Disember pula, me- nusul Pesta Joget 1Malaysia di Pantai Puteri Tanjung Keling yang dilaksanakan bersama Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan serta Kementerian Pelanco- ngan Malaysia ini.



FOTO | Zunnur Al Shafiq

SEMARAK BUDAYA...Norliza (bertudung) bersama artis dan penari pada sidang media Aktivi- ti Seni Budaya JKKN Sepanjang November dan Disember, baru-baru ini.